

Manfaatkan peluang masuk universiti

► **Timba ilmu dan asah bakat untuk jadi insan berjaya**

UB 2.9.2016 A2

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

KOTA KINABALU: Mahasiswa baharu perlu memanfaatkan peluang memasuki universiti dengan memenuhi tanggungjawab sebagai pelajar.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mary Yap berkata peluang berkenaan hendaklah digunakan dengan menimba ilmu dan mengasah bakat untuk menjadi insan berjaya.

“Dalam menghadapi persaingan global yang semakin sengit, banyak ilmu dan kemahiran baharu yang perlu dikuasai pelajar sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

“Justeru, para pelajar perlu berusaha menjadi yang

terbaik kerana dalam dunia yang kompetitif ini hanya yang terbaik akan berjaya,” katanya.

Mary berkata demikian ketika berucap sempena majlis Ramah Mesra Pelajar Baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) Sesi 2016/2017, di sini, kelmarin.

Menurutnya pelajar baharu perlu fokus sepenuhnya kepada tugas dan tanggungjawab utama di universiti iaitu menuntut ilmu.

Beliau yakin pelajar yang berjaya memenuhi tanggungjawab berkenaan mampu menjadi produk terbaik universiti.

“Sejak Kementerian merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), pelbagai maklum

balas diterima.

“Ia termasuklah daripada pakar pendidikan di Malaysia dan antarabangsa, pemimpin institut pengajian tinggi (IPT) tempatan serta masyarakat umum.

“Hasilnya, pelan yang dibangunkan oleh rakyat Malaysia adalah untuk rakyat dan ia akan memacu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi,” jelasnya.

Pihaknya turut mengakui dan sedar usaha menjana modal insan mengikut acuan sendiri dan seterusnya gah di peringkat global bukanlah satu proses yang mudah.

Namun Mary yakin pelajar universiti sentiasa bersama-sama kerajaan dalam menjayakan agenda besar pendidikan negara.

Usaha berkenaan katanya bagi menjana modal insan berkualiti yang akan menjadi pewaris demi kesinambungan kemajuan serta kesejahteraan negara.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata program Minggu Suai Mesra adalah platform kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan universiti.

Sehubungan itu, beliau menyarankan agar pelajar mengambil kesempatan untuk menjalin ikatan silaturahim dan mengenali antara satu sama lain.

Harun turut mengingatkan pelajar baharu supaya mengamalkan sikap positif dan tekad yang padu untuk berjaya.



MARY (tengah) sempat berbual mesra dengan beberapa pelajar baharu UMS selepas majlis itu. Turut kelihatan Harun (tiga kanan).